



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**7 MEI 2021 (JUMAAT)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**7 MEI 2021 (JUMAAT)**

## Tiada ejen khas KBBM

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak pernah melantik mana-mana ejen khas untuk mengendalikan Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM).

Ketua Setiausaha, Datuk Hasanol Zam Zam Ahmad berkata, KBBM antara inisiatif kerajaan dilaksanakan melalui KPDNHEP bertujuan merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dengan meningkatkan pembelian barang tempatan.

Katanya, KPDNHEP melaksanakan sendiri prog-

ram dan aktiviti KBBM bagi tujuan hebahan dan promosi dengan kerjasama rakan strategik termasuk pemain industri, peruncit serta media.

"KBBM juga membantu memajukan projek keluaran usahawan dan industri tempatan serta meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia terhadap barang dan perkhidmatan Malaysia," katanya.

Menurutnya, inisiatif KBBM susulan daripada Kempen Beli Barang Buatan Malaysia yang dilancarkan pada 1998.

# 203 peniaga dikompaun di seluruh negara

Atas pelbagai kesalahan berkaitan perniagaan sempena SHMMP sejak 21 April lalu

## KEMAMAN

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan kompaun dengan nilai keseluruhan RM30,050 terhadap 203 peniaga di seluruh negara atas pelbagai kesalahan berkaitan perniagaan sejak 21 April lalu.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, daripada jumlah itu 90 peniaga dikenakan kompaun kerana kesalahan tidak mele-

takkan tanda harga diikuti gagal menggunakan tanda harga khas (60) dan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan (53).

"Semua kesalahan ini dikesan hasil pemeriksaan pegawai penguat kuasa di 29,170 premis seluruh negara (561 borong dan 28,609 premis runcit) bersempena pemeriksaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021 yang bermula 21 April lalu.

"Skim kawalan harga barang bukan bertujuan untuk menyekat keuntungan peniaga dan pemborong sebaliknya bertujuan menstabilkan harga barang selain memastikan pengguna tidak teranaya," katanya kepada pemberita ketika meninjau pemeriksaan harga barang di sebuah pasar raya di Kijal pada Khamis.

Rosol berkata, KPDNHEP tidak menolak kemungkinan akan meneruskan skim kawalan harga barang keperluan selepas Aidilfitri sekiranya berlaku kenaikan harga barang yang mendadak.

"Sekiranya harga barang terus naik melampau (selepas raya), kita boleh laksanakan kawalan harga ini. Komitmen kita, tidak tunggu musim perayaan tetapi kita boleh laksanakannya pada bila-bila masa sekiranya ada kenaikan harga melampau, bukan hanya melibatkan ayam dan daging tetapi semua barang keperluan makanan," katanya.

Beliau turut menasihati pengguna agar sentiasa me-



ROSOL WAHID

rujuk aplikasi Price Catcher yang telah disediakan oleh pihak KPDNHEP untuk membuat perbandingan harga mengikut lokasi pilihan bagi mendapatkan barang pada harga berpatutan.

Rosol berkata, sebarang aduan mengenai peniaga boleh dibuat dengan merujuk kepada portal e-aduan@kpdnhep.gov.my, talian Hotline KPDNHEP 1800-886-800, e-mel e-aduan@kpdnhep.gov.my, aplikasi Telefon Pintar EzADU, Pusat Arahan Penggunaan, WhatsApp ke 019-279 4317, Facebook dan Twitter KPDNHEP atau boleh hadir sendiri ke mana-mana pejabat KPDNHEP di seluruh negara. - Bernama

## Cadang harga siling diteruskan selepas raya

**KEMAMAN** – Kerajaan tidak menolak kemungkinan akan terus mengawal harga siling barang keperluan utama selepas berakhirnya Skim Harga Maksimum Perayaan (SHMMP) Hari Raya Aidilfitri pada 20 Mei depan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, tindakan itu perlu diambil sekiranya harga barang keperluan seperti ayam, daging lembu dan ikan kembung pada masa itu terus melonjak tinggi.

"Kita prihatin dengan kebimbangan ramai pengguna yang risau harga barang keperluan

terutama ayam akan naik semula selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri ini.

"Walaupun bukan musim perayaan, kerajaan mempunyai kuasa untuk terus mengawal harga (siling) barang keperluan terlibat demi kebijakan pengguna," katanya di sini semalam.

Terdahulu beliau memantau harga barang sempena pelaksanaan fasa dua SHMMP Aidilfitri di sebuah pasar raya di sini.

Sebanyak 19 lagi barang seperti bawang besar, cili kering, kelapa parut dan kacang tanah telah dimasukkan SHMMP Aidilfitri.



ROSOL (tengah) memantau harga bawang di pasar raya Sabasun Kijal di Kemaman semalam.

## Lapan pemborong jual ayam harga mahal dikompaun



KERAJAAN menetapkan harga siling ayam standard RM7.90 sekilogram untuk peruncit sempena SHMMP Hari Raya Aidilfitri. - GAMBAR HIASAN

**KEMAMAN** – Seramai lapan pemborong ayam di seluruh negera yang masih berdegil menjual ayam pada harga melebihi siling akhirnya menerima padah apabila dikompaun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, kesemua pemborong terbabit didapati telah menjual bekalan ayam pada harga lebih tinggi daripada dibenarkan iaitu RM7.10 sekilogram.

"Skim Harga Maksimum Perayaan (SHMMP) Hari Raya

Aidilfitri bermula 20 April lalu telah menetapkan harga ayam di ladang hendaklah tidak lebih RM5.80, pemborong (RM7.10) manakala peruncit pula RM7.90.

"Selain lapan pemborong itu, 18 peruncit juga dikompaun atas kesalahan sama iaitu menjual ayam melebihi harga maksimum," katanya selepas memantau harga barang kawalan SHMMP Hari Raya Aidilfitri di sebuah pasar raya di Kijal di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, Rosol menyangkal dakwaan segerllintir pemborong dan penternak ayam kononnya harga siling ayam yang ditetapkan sepanjang

SHMMP Hari Raya Aidilfitri ini merugikan mereka.

Tegas beliau, dakwaan harga maksimum ayam itu tidak menguntungkan dan tidak mampu menampung kos operasi ternakan yang tinggi adalah tidak benar.

"KPDNHEP telah melakukan kajian secara terperinci di peringkat ladang, pemborong dan peruncit sebelum menentukan harga siling (ayam) itu.

"Pandangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, peladang dan pemborong juga telah diambil kira," katanya.

# SHMMP: Beli bekalan daripada orang kampung

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI  
utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR GAJAH:** "Harap-harap kos bekalan tidak naik mendadak menjelang hari raya nanti."

Itu antara kebimbangan yang disuarakan para peniaga ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Pasar Awam Kuala Sungai Baru dan Pasar Awam Masjid Tanah dekat sini.

Seorang peniaga, **Merhati Shamsuddin**, 56, berkata, dia masih lagi memperoleh keuntungan walaupun margin yang kecil susulan penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) 2021 sehingga 20 Mei ini.

Bagaimanapun katanya, ketidaktentuan harga daripada pemborong kerana faktor perlawaran dan permintaan menjelang Aidilfitri menyebabkan keuntungannya tidak menentu.

"Buat masa ini harga siling yang dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna masih lagi okay. Kalau jual sayur sekilogram boleh dapat untung serenggit, tomato 50 sen.

"Yang menjadi masalah apabila dekat hari raya, permintaan



MERHATI Shamsuddin mengemas bakul barang jualannya di Pasar Awam Masjid Tanah, Melaka. - UTUSAN/ MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

pun tinggi. Kalau harga bekalan naik, rugi kami sebab harga daripada pemborong berubah-ubah," katanya.

Senada dengan Merhati, seorang lagi peniaga, **Rosli Talib**, 42, berkata, harga daripada pemborong yang tidak menentu menyebabkan keuntungan juga merosot.

Menurutnya, jalan terbaik mengatasinya adalah

dengan mendapatkan bekalan melalui penduduk kampung yang mengusahakan tanaman secara kecil-kecilan.

"Harga daripada penduduk kampung lebih murah kerana pemborong mengambil untung sebagai orang tengah. Tapi ada masanya bekalan tidak cukup dan terpaksa juga ambil daripada pemborong," katanya yang telah bermula selama 15 tahun

di situ.

Peniaga, **Juliana Musa**, 33, berkata, mengambil bekalan daripada penduduk sekitar kampung adalah strategi terbaik semasa pelaksanaan SHMMP.

Katanya, dia sudah lari dan bersedia dengan musim perayaan termasuk mengelak mengambil bekalan daripada pemborong buat sementara waktu.

# Peniaga pilih jual daging import

**KANGAR:** Rata-rata peniaga di pasar sekitar negeri ini memilih untuk menjual daging import berbanding daging tempatan berikutan harganya yang tinggi.

Peniaga daging, **Ismail Yusof**, 68, berkata, sebelum ini, dia menjual daging tempatan pada harga RM38 sekilogram tetapi terpaksa menghentikan jualan daging tersebut kerana dihimpit kenaikan harga daripada pembekal.

Skim Harga Maksimum Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 menetapkan harga siling bagi daging tempatan adalah RM34 sekilogram.

Katanya, harga yang tinggi juga menyebabkan pelanggan memilih membeli daging import yang lebih berpatutan iaitu RM20 sekilogram.

Selain itu, katanya, menjual daging import juga tidak memberi tekanan kepada para peniaga meskipun perlu mengikut harga kawalan yang telah



**ISMAIL Yusof** melayan pelanggan yang membeli daging import di gerainya di Pasar Kuala Perlis. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI

ditetapkan.

“Bagi daging tempatan saya hanya akan ambil sehari sebelum Aidilfitri sebab masa itu memang orang ramai akan cari daging tempatan untuk buat juadah raya.

“Kalau ambil sekarang dengan harga tinggi mungkin orang tidak mahu beli. Kami juga tidak mahu ambil risiko sebab kami juga beli dengan harga yang mahal tetapi terpaksa menjual mengikut harga kawalan,” kata-

nya ketika ditemui di pasar Kuala Perlis di sini semalam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar tersebut mendapati, para peniaga mematuhi SHMMP 2021 dengan menjual barang kawalan dengan harga yang ditetapkan serta memperkenalkan tanda harga berwarna merah jambu.

Sementara itu peniaga sayur dan barang runcit, **Ag Yeong Kang**, 42, berkata, senarai harga kawalan bagi sayur-sayur yang turut ditambah bagi fasa kedua skim harga kawalan tersebut masih tidak membebankan peniaga.

“Walaupun ada harga kawalan tetapi harga yang ditetapkan itu tidak terlalu rendah, malah saya rasa lagi tinggi daripada harga yang kami jual kepada pelanggan.

“Macam sawi sekarang harga sudah turun dan kami boleh jual pada harga RM5 sekilogram berbanding RM8 sekilogram bagi harga kawalan,” katanya.

## *Harga barang mahal, apa lagi pengguna boleh buat?*

SANA sini orang ramai mengeluh harga barang dapur mahal. Mungkin ada yang menyangka, duduk di negeri tertentu penduduknya bernasib baik kerana kos hidupnya rendah. Namun kalau ada yang menyangka kos hidup di bumi jelapang padi misalnya rendah berbanding negeri lain, baik lupakanlah.

Kedah hari ini bukan lagi Kedah yang dulu. Kalau ada yang masih menjual murah, jumlahnya boleh dibilang. Kebanyakan harga barang keperluan di negeri itu sebenarnya hampir sama sahaja dengan negeri lain.

Kemasukan pasar raya besar juga tidak banyak membantu dari segi penurunan harga. Harga yang berubah-ubah di pasar raya kadangkala diskaun tinggi dan adakalanya pada harga biasa, hanya menguntungkan sejumlah pengguna yang rajin membuat perbandingan harga dan membeli pada hari yang murah.

Kewujudan pasar tani di hampir semua daerah pula lebih banyak berpihak kepada pengeluar dan peniaga atas nama menstabilkan harga pasaran, cuma pengguna berpeluang menikmati barangan segar dari ladang.

Selepas harga ayam dan daging tempatan yang naik luar biasa baru-baru ini, minyak masak kelapa sawit botol lima kilogram pula produk terbaru yang harganya naik mencanak.

Beberapa minggu lalu harga ayam di Kedah mencecah RM10 sekilogram manakala daging pula naik lebih RM2 sekilogram. Keadaan itu memaksa kerajaan memperkenalkan Skim Harga Minimum Musim Perayaan (SHMMP) 2021 lebih awal, sekali gus menyaksikan harga siling ayam ditetapkan RM7.90 sekilogram dan daging pula RM34 sekilogram.

Menjelang Ramadan baru-baru, harga minyak masak di pasar raya di Alor Setar boleh dibeli antara RM24.89 hingga RM32.25 sebotol manakala di kedai-kedai runcit pula dijual antara RM25 hingga RM33.50 sebotol. Tahun lalu, pengguna masih boleh membeli minyak tersebut di bawah harga RM23.

Ayam, daging dan minyak hanya sebahagian barang keperluan yang naik, sebenarnya banyak barang lain pun naik juga.

Sekali lagi pengguna hanya mampu mengeluh. Kepada kerajaan mereka berserah. Kalau tiada siapa yang mahu mendengar masalah mereka, apa lagi yang pengguna boleh lakukan?

Tepuk dada tanyalah selera!



SERAMAI 11 lelaki termasuk tiga warga tempatan dan lapan warga Bangladesh dihadapkan ke mahkamah atas dua pertuduhan melakukan penyelewengan minyak masak bersubsidi di Mahkamah Sesyen Johor Bahru. Johor. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

## 11 didakwa seleweng minyak

**JOHOR BAHRU:** Seramai 11 lelaki termasuk tiga warga tempatan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas dua pertuduhan melakukan penyelewengan minyak masak bersubsidi di Pasir Gudang kelmarin.

Kesemua tertuduh mengangguk tanda faham namun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ahmad Fuad Othman.

Tiga tertuduh warga tempatan ialah A. Halim Main, 42; R. Kalisamy, 50; dan B. Saravanan, 28.

Lapan tertuduh lain yang merupakan warga Bangladesh ialah Omar Ali, 34; Rokey, 34; S. M. Mahasin, 34; Muhammad

Mansur Alam Sultan Ahmad, 34; Mohamad Saiful Islam Faridul Alam, 23; Kubirahmat Abdul Salam; Md. Atiqur Haja Mahuidin dan Haque Haju.

Dalam pertuduhan pertama, mereka didakwa berurus dengan barang kawalan iaitu minyak masak sebanyak 18,849 kilogram tanpa lesen dibawah Perenggan 4(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1947.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa berurus dengan barang kawalan iaitu minyak masak sebanyak 4,500 liter tanpa lesen dibawah peraturan sama.

Kesemua mereka didakwa melakukan kedua-dua kesala-

han itu di sebuah premis beralamat No. 6B, Jalan Sagai 6, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, pada pukul 2 pagi, Selasa lalu.

Atas kesalahan itu, kesemua mereka boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Pindaan 2015) yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama.

Mahkamah kemudian menetapkan tiga tertuduh warga tempatan masing-masing diberikan jamin sebanyak RM25,000 dengan seorang penjamin, manakala lapan tertuduh warga asing tidak dibenarkan jamin.



11 individu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam atas dua pertuduhan melakukan penyelewengan minyak masak bersubsidi dua hari lalu.

# 11 didakwa seleweng minyak masak subsidi

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

**JOHOR BAHRU** – Lapan lelaki Bangladesh dan tiga rakyat tempatan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua pertuduhan melakukan penyelewengan minyak masak bersubsidi di Pasir Gudang, dua hari lalu.

Kesemua tertuduh mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ahmad Fuad Othman.

Dalam pertuduhan pertama, mereka didakwa mempunyai syak yang munasabah berurusan dengan barang kawalan iaitu minyak masak sebanyak 18,849 kilogram (kg) tanpa lesen di bawah Perenggan 4(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1947.

Mereka didakwa melakukan

kesalahan itu pukul 2 pagi pada Selasa lalu di sebuah premis beralamat di No. 6B, Jalan Sagai 6, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang.

Bagi pertuduhan kedua, kesemua mereka didakwa mempunyai syak yang munasabah berurusan dengan barang kawalan iaitu minyak masak sebanyak 4,500 liter tanpa lesen di bawah Perenggan 4(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1947.

Kesemua mereka boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Pindaan 2015) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalan pertama.

Mahkamah kemudian menterangkan tiga tertuduh rakyat tem-

patan diberikan jamin sebanyak RM25,000 dengan seorang pengjamin masing-masing, manakala lapan tertuduh warga asing tidak dibenarkan jamin.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, T. Ashvinii dan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor, Raja Nor Ikhlas Raja Ariff.

Tarikh sebutan semula kes itu ditetapkan pada 6 Julai depan.

Terdahulu, Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) KPDNHEP Putrajaya, Shamsul Nizam Khalil mendedahkan, sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi itu mampu mengaut keuntungan sehingga RM15 juta dalam tempoh hanya enam bulan.

# Kaut untung tipu pelancong asing

Peniaga Petaling Street letak harga tidak masuk akal

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR

**K**uit untung besar jual produk tiruan 'copy ori' kepada pelancong asing.

Ibu yang dilakukan peniaga di Petaling Street yang dikesan sanggup meletakkan harga cekik darah kepada pelancong asing berikutnya permintaan tinggi barang berjenama popular seperti jam dan beg tangan di kawasan segi tiga emas itu.

Taktik licik itu didepak oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala

Lumpur susulan serbuan membebaskan empat buah stor dan dua gerai pada Selasa.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kuala Lumpur, Zubir Hamsa berkata, operasi sepasukan pegawai dan anggotanya pada jam 3 petang itu bertindak hasil risikan selama satu minggu susulan maklumat yang diterima pihaknya.

Menurutnya, serbuan itu bertindak merampas 1,080 unit barang disyaki tiruan terdiri daripada jam tangan, kasut, beg tangan dan dompet yang menggunakan jenama terkenal.

"Nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM48,603. Kita turut berjaya menahan dua lelaki tempatan berusia lingkungan 40-an disyaki adalah peniaga utama barang tiruan di Jalan Petaling serta pemilik stor berkenaan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Zubir berkata, siasatan mendapati barang tiruan itu diimport dari negara luar se-



Zubir (kiri) menunjukkan antara barang tiruan yang dirampas dalam serbuan di Jalan Petaling, Kuala Lumpur pada Selasa.

belum dikumpul di stor tersebut.

Katanya, bagi menyukarkan pihak berkuasa melaksanakan tindakan, stor terbabit juga dikawal dengan kamera litar tertutup (CCTV) selain memasang pagar besi dan ditutup dengan rapi.

Menurut Zubir, semasa serbuan dilaksanakan, anggota operasi juga berdepan provokasi daripada suspek yang menggerak dan sebagaimana bagi menyukarkan tindakan

pihaknya.

"Tindakan sebegini bukan sahaja berlaku di Jalan Petaling, malah di semua lokasi serbuan yang kita lakukan.

"Kita percaya, barang tiruan itu selain dijual di Jalan Petaling, KPDNHEP Kuala Lumpur juga yakin ia juga dijual secara dalam talian," katanya.

Tambah beliau, pihaknya tidak menolak kemungkinan barang yang dibeli mereka itu adalah tiruan. Namun, disebabkan faktor harga dan jenama, ia tetap dibeli," katanya.

pada pelancong asing berbanding warga tempatan.

"Ini terbukti dengan paparan harga pada seutas jam tangan bernilai ratusan hingga ribuan ringgit.

"Bagaimanapun, sudah tentu pelancong mengetahui barang yang dibeli mereka itu adalah tiruan. Namun, disebabkan faktor harga dan jenama, ia tetap dibeli," katanya.

Tegas Zubir, kes berkenaan masih dalam siasatan di bawah Akta Cap Dagangan 2019.

## Dua kilang makanan kotor kena kompaun

**SEBERANG PERAI** – Serbuan terhadap sebuah kilang menghasilkan bijirin yang dikesan masih mengabaikan kebersihan premis walaupun pernah diarahkan tutup sebelum ini turut membawa kepada penemuan sebuah lagi kilang membuat kuih kacang dan bijirin yang didapati turut kotor.

Kedua-dua kilang terbabit terletak di Bukit Panchor, Nibong Tebal di sini.

Kilang bijirin itu sebelum ini telah diarah tutup selama dua minggu.

Ketua Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM), Jabatan Kesihatan negeri, Mohd. Wazir Khalid berkata, pihaknya telah melakukan risikan semula selepas beberapa hari kilang itu kembali beroperasi dan turut menemui kilang kedua yang didapati kotor.

Menurutnya, premis kedua itu gagal dikesan sebelum ini

kerana lokasinya tidak menggambarkan suasana seperti sebuah kawasan perindustrian walaupun terletak bersebelahan.

"Dalam operasi ini, kami keluarkan notis pembersihan sekali lagi kepada kilang pertama kerana masih kotor termasuk terdapat fungus atau kulat pada bahagian mesin pengisar.

"Fungus ini berbahaya kerana boleh menyebabkan keracunan makanan," katanya selepas serbuan di kilang tersebut semalam.

Selain BKKM, serbuan itu turut mendapat kerjasama daripada Bahagian Pelesenan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP) negeri serta pihak polis.

Mohd. Wazir berkata, kilang kedua turut dikenakan kompaun mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983.



MOHD. WAZIR membuat pemeriksaan kebersihan mesin pemprosesan makanan di sebuah kilang di kawasan perindustrian, Nibong Tebal semalam.



PEGAWAI Kesihatan BKKM JKNPP, Mohd Wazir melakukan pemeriksaan ketika operasi bersepadu bersama KPDNHEP Pulau Pinang dan MBSP di dua kilang makanan di Taman Industri Bukit Panchor.

## KILANG KUIH KACANG JIJIK

# Pemilik tipu alamat

Oleh Nur Izzati  
Mohamad  
am@hmetro.com.my

### Nibong Tebal

**P**emeriksaan ke atas sebuah kilang makanan berasaskan bijirin di sebuah kawasan perindustrian, dekat sini, yang ditutup seminggu berikutnya tahap kebersihan tidak memuaskan membawa kepada penemuan sebuah lagi kilang makanan yang turut beroperasi dalam keadaan premis yang kotor.

Terdahulu, pagi semalam, anggota Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) memeriksa kilang makanan yang diarah tutup dua minggu lalu bagi memastikan pemiliknya tidak mengulangi kesalahan sama.

Bagaimanapun, pada pemeriksaan yang turut disertai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Kementerian Perdagangan Da-

lam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, pasukan itu mendapati, sebuah lagi kilang makanan berasaskan kuih kacang yang terletak bersebelahan didapati turut mengabaikan tahap kebersihan.

Tinjauan mendapati proses mengendalikan makanan cukup meloyak apabila pekerja tidak memakai sarung tangan dan meletakkan peralatan seperti bekas pembakar di atas lantai.

Mesin digunakan juga tidak diselenggara dengan baik apabila terdapat habuk dan sawang yang mana ia boleh mencemarkan produk makanan dihasilkan.

Pegawai Kesihatan BKKM JKNPP, Mohd Wazir Khalid berkata, pihaknya dimaklumkan kilang berasaskan bijirin yang sepatutnya ditutup dua minggu dibuka semula selepas membuat rayuan.

"Namun, risikan dijalankan beberapa hari lalu mendapati pemiliknya masih mengabaikan tahap keber-

sihan yang dikehendaki.

"Oleh itu, kita kembali untuk pemeriksaan. Kita dapat, masih ada isu kebersihan yang tidak diatasi melalui penemuan kulat dalam mesin penggaul produk makanan bijirin berkenaan," katanya selepas tamat pemeriksaan.

Menurut beliau, pada masa sama, pemilik juga didapati tidak menyatakan alamat pengeluar pada label produk makanan dikeluarannya.

Dibimbangi, sekiranya berlaku kes keracunan makanan, sukar untuk pihak berkuasa mengesan dan melakukan siasatan.

"Justeru, notis amaran dikeluarkan kepada pemilik untuk membersihkan semula premisnya seperti yang dikehendaki.

"Ketika kita sedang melakukan pemeriksaan di kilang bijirin itu, kita dapat, kilang makanan yang terletak bersebelahan turut beroperasi dalam keadaan kotor," katanya.

Mohd Wazir berkata, pemeriksaan di kilang makanan berasaskan kuih kacang itu mendapati selain pengabaian tahap kebersihan, pemilik juga menggunakan alamat berlainan daripada lokasi produksinya dikeluarkan.

"Kita dapat pemilik diperdaya cuba menipu. Alamat digunakan pada label produknya berbeza, kesalahan ini nampak kecil, tetapi sangat serius terutama jika berlaku keracunan makanan."

"Kita membuka kertas siasatan berhubung kesalahan ini selain mengeluarkan kompaun RM3,500 kerana pemilik mengajikan pekerja tanpa mendapatkan suntikan antitifoid mengikut Peraturan 11(2), peraturan Kebersihan Makanan 2009," katanya.

Menurut Mohd Wazir, premis kedua itu gagal dikesan sebelum ini kerana lokasi di situ tidak menggambarkan suasana seperti sebuah kawasan perindustrian sepenuhnya walaupun terletak bersebelahan.

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 7/5/2021  
M/SURAT : 15

## Man detained over bid to smuggle fuel into Thailand

**RANTAU PANJANG:** A 28-year-old man risked his life trying to smuggle 600 litres of subsidised petrol worth RM1,230 into Thailand on Wednesday. The man was detained by members of the General Operations Force (GOF) near Cabang Empat Salam here. GOF Seventh battalion commanding officer Superintendent Azhari Nusi said a GOF team stopped a car when it passed the area about 11pm and after checking the vehicle, it found 24 plastic containers containing petrol. The man has since been detained. Azhari said initial investigations showed that the fuel would be smuggled into Thailand via an illegal jetty at the Malaysia-Thai border.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 7/5/2021  
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	<b>RM5.99</b>	Telur Gred A	<b>RM10</b>	Gula Pasir	<b>RM1.99</b>	Cili Merah	<b>RM5.99</b>
Ikan Kembung	<b>RM8.90</b>	Bawang Besar Holland	<b>RM3.19</b>	Kubis Bulat Tempatan	<b>RM2</b>	Kubis Bulat Tempatan	<b>RM2</b>
Daging Lembu Import	<b>RM24</b>	Minyak Masak	<b>RM5.90</b>	Bawang Putih	<b>RM4.99</b>	Tepung Gandum	<b>RM2.09</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP